

Sokong wadah keamanan

Oleh Dr Mohamed Azam Mohamed Adil
bhagama@mediaprima.com.my
2013/06/13

Ummah perlu elak tergelincir dalam kancah permusuhan

Keamanan membawa kepada keadaan harmoni, integriti, kesederhanaan dan kebahagiaan. Perkataan Islam membawa maksud aman dan selamat. Maksud keamanan sangat luas. Ia bukan hanya meliputi keadaan tanpa konflik.

Keamanan membawa kepada sebarang usaha untuk mengelak konflik dan keganasan. Ia meliputi usaha ke arah keseimbangan, kesederhanaan, ketenangan dan tindakan adil ke atas individu serta masyarakat.

Islam sangat berkait rapat dengan keamanan kerana Islam membawa erti keamanan yang dimanifestasikan oleh setiap individu Muslim dalam lafaz 'al-Salamau 'Alaykum' sesama mereka apabila bertemu.

Perkataan 'salam' juga dilafazkan di penghujung setiap solat yang bermaksud 'salam sejahtera ke atas kamu'. Ia sebenarnya salah satu nama terbaik Allah (al-asma'al-husna) dan amalan menyebut 'sallallahu alaihi al-salam' setiap kali nama junjungan Nabi Muhammad SAW disebut.

Ikut jalan diredai

Allah SWT menyuruh hambanya mengikut jalan keredaan-Nya supaya tidak tergelincir dari landasan Islam. Mereka yang taat dan patuh kepada ajaran Islam sebenar, sudah pasti mendapat ketenteraman dalam jiwa.

Sebenarnya, keamanan datanginya dari Allah. Allah berfirman: "Dialah yang menurunkan ketenteraman ke dalam hati-hati orang yang beriman supaya mereka tetap dalam iman kepada Allah." (Surah al-Fath, ayat 4)

Keamanan tidak ditemui di luar dari hati manusia, tetapi meresapi hati setiap individu seterusnya diterjemahkan ke dunia luar. Daripada perspektif al-Quran, keamanan dapat dicari dalam tiga dimensi.

Pertama, keamanan dan ketenteraman dalam hati. Kedua, keamanan dan ketenteraman dalam hati membawa kepada keamanan bersama Allah kerana beriman kepada-Nya. Ketiga, dari dimensi pertama dan kedua, ia melahirkan keamanan di dunia luar.

Hakikatnya, ketiga-tiga dimensi keamanan ini sentiasa berkait rapat dan akan mempengaruhi antara satu sama lain. Islam sebagai agama fitrah, tidak sama sekali mengajar keganasan dan peperangan.

Allah SWT berfirman: "Kami tanamkan perasaan permusuhan dan kebencian di antara mereka hingga hari Kiamat. Tiap kali mereka menyalakan api peperangan, Allah memadamkannya dan mereka pula terus menerus melakukan kerosakan di

muka bumi, sedangkan Allah tidak suka kepada orang yang melakukan kerosakan.” (Surah al-Maidah, ayat 64)

Jangan tolak pelawaan keamanan

Begitu juga umat Islam diminta jangan sama sekali menolak pelawaan keamanan untuk menamatkan konflik. Allah SWT berfirman: “Dan perangilah mereka sehingga tidak ada lagi fitnah, dan (sehingga) menjadilah agama itu seluruhnya (bebas) bagi Allah semata-mata. Kemudian jika mereka berhenti (kekufurannya dan gangguannya, nescaya mereka diberikan balasan yang baik) kerana sesungguhnya Allah Maha Melihat akan apa yang mereka kerjakan.” (Surah al-Anfal, ayat 39)

Allah menyuruh manusia supaya tolong-menolong dan bekerjasama dalam perkara kebaikan, jangan sama sekali menolong dalam dosa atau permusuhan.

Ini dikuatkan dengan firman Allah SWT: “Oleh itu berlumba-lumbalah kamu membuat kebaikan (beriman dan beramal soleh). Kepada Allah jugalah tempat kembali kamu semuanya, maka ia akan memberitahu kamu apa yang kamu berselisihan padanya.” (Surah al-Maidah, 48)

Tindakan yang boleh membawa kepada keredaan konflik dan mengembalikan keharmonian dalam kalangan manusia terutama apabila ia dilakukan atas prinsip perpaduan dan kerjasama, menepati ajaran al-Quran yang menyarankan ‘tolong-menolong dalam perkara kebaikan dan ketakwaan.

Melihat kepada konsep tauhid dalam Islam, ia asas kepada kesejagatan Islam, toleransi dan keterbukaan. Kedudukan manusia sama di sisi Allah tanpa mengira bangsa, warga negara, keturunan dan gender.

Meskipun begitu, al-Quran mengiktiraf kepelbagaian manusia dari segi bahasa, keturunan dan adat resam. Tauhid yang menjadi dasar prinsip Islam melihat kepada perpaduan, keterbukaan dan kesejagatan.

Pendekatan tauhid inilah yang dimanifestasikan dalam kehidupan sebenar manusia. Setiap manusia adalah sama penting dan tidak dibezakan. Allah menjadikan manusia dan kehidupannya – suatu anugerah suci – yang tidak boleh diambil begitu sahaja tanpa sebarang alasan yang kukuh. Justeru itu, sekiranya seseorang yang mengambil nyawa orang lain tanpa satu justifikasi Syara’, sebenarnya dia telah membunuh manusia seluruhnya. Begitu juga, sekiranya seseorang itu menolong menyelamatkan nyawa seseorang lain, sebenarnya dia telah menyelamatkan manusia seluruhnya.

Syariah memelihara setiap nyawa

Oleh yang demikian, syariah memelihara setiap nyawa dan menyahut supaya keselamatan dan keamanan nyawa manusia keseluruhan terpelihara.

Firman Allah SWT: “Dan sesiapa yang menjaga keselamatan hidup seorang manusia, maka seolah-olah dia telah menjaga keselamatan hidup manusia semuanya. Dan demi sesungguhnya, telah datang kepada mereka Rasul-rasul kami

dengan membawa keterangan yang cukup terang; kemudian, sesungguhnya kebanyakan dari mereka sesudah itu, sungguh-sungguh menjadi orang yang melampaui batas (melakukan kerosakan) di muka bumi.” (Surah al-Maidah, ayat 32)

Setiap langkah ke arah keamanan, walaupun kecil dianggap oleh Allah SWT sebagai amal soleh. Rasulullah SAW bersabda: “Jangan melihat rendah kepada amalan kecil seseorang walaupun hanya dengan berjumpa dengan sahabatnya.

Ini kerana, persahabatan bermula dengan hati yang ikhlas, murni, jauh sekali daripada permusuhan dan sombong. Rasulullah SAW: “Allah pernah berkata kepada aku, bahawa awak perlu ikhlas, semua orang adalah sama dan tidak boleh sama sekali awak berlebihan dari yang lain dan jangan sama sekali bersikap tidak adil kepada orang lain.”

Islam menyeru kepada keamanan dan keselamatan sejagat melangkai benua dan sempadan. Keamanan yang dituntut Islam bukan sekadar untuk manusia tetapi alam keseluruhannya. Dunia tanpa keganasan dan konflik sebenarnya adalah daripada ajaran Islam.

Penulis Timbalan Ketua Eksekutif, Institut Kajian Tinggi Islam Antarabangsa Malaysia (IAIS)
<http://www.bharian.com.my/bharian/articles/Sokongwadahkeamanan/Article/>